

Headline	KUPON IBLIS		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	1,4	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	919 cm ²
Journalist	Yusmizal	AdValue	RM 35,637
Frequency	Daily	PR Value	RM 106,912



■ **Sindiket perdaya bakal haji RM40,000**

KUPON IBLIS

> “Mereka pujuk saya menggores beberapa kupon sebelum diberitahu memenangi pakej umrah dan sebuah kereta Toyota Camry,” kata Rahman, 70-an, yang mendakwa diperdaya RM40,000 oleh sindiket gores dan menang ketika mahu memasukkan wang itu di sebuah cawangan Tabung Haji baru-baru ini, **lapor Yusmizal Dolah Aling dan Muhammad Saufi Hassan**

>> 4

Headline	KUPON IBLIS		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	1,4	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	919 cm ²
Journalist	Yusmizal	AdValue	RM 35,637
Frequency	Daily	PR Value	RM 106,912

BAKAL HAJI TURUT 'TERGORES'

■ Suami isteri rugi RM40,000 ditipu anggota sindiket

Oleh Yusmizal Dolah Aling dan Muhammad Saufi Hassan
am@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Tiga kes membabitkan mangsa kerugian lebih RM200,000 dalam tempoh dua minggu lalu, jelas menjadi isyarat sindiket penipuan gores dan menang masih belum berkubur, malah mungkin lebih aktif pada 2015.

Tali barut sindiket itu di kesan bergerak aktif di kawasan tumpuan, termasuk institusi kewangan dan menyasarkan individu yang berpendapatan tinggi sebagai mangsa, khususnya warga emas yang ingin mengeluarkan wang.

Dalam kejadian pada 7 Januari lalu, suami isteri berusia lewat 60-an kehilangan RM40,000 yang disimpan untuk menunaikan haji selepas diperdaya sindiket berkenaan.

Mangsa lelaki yang mahu dikenali sebagai Rahman berkata, kejadian berlaku ketika dia dan isterinya ke sebuah cawangan Tabung Haji di pinggir ibu negara untuk membuat simpanan.

Menurutnya, mereka membawa wang tunai RM40,000 hasil simpanan dan pemberian anak-anak untuk disimpan di dalam akaun Tabung Haji.

"Sejurus tiba di depan pejabat Tabung Haji, saya menurunkan isteri sementara saya terus memandu untuk mencari tempat letak kereta. Ketika isteri saya berseorangan, dia didatangi beberapa lelaki yang menunjukkan kupon gores yang menawarkan hadiah menarik, termasuk pakej umrah.

"Apabila saya tiba, mereka turut memujuk saya untuk menggores beberapa kupon sebelum saya dan isteri dikatakan layak, bukan saja untuk memenangi pakej umrah, tetapi juga sebuah kereta Toyota Camry," katanya kepada Harian Metro ketika membuat aduan kepada Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) di sini, kelmarin.

Selepas itu, katanya, dia dan isteri seperti dipukau apabila membatalkan hasrat menyimpan wang RM40,000 ke dalam akaun Tabung Haji, sebaliknya mengikut ejen sindiket gores dan menang ke pejabat mereka di Gombak, Selangor.

"Di pejabat, saya menggores tiga kupon dan satu daripadanya dikatakan berjaya memenangi Toyota Camry. Mereka kemudian meminta saya

menyerahkan RM40,000 yang saya bawa sebagai wang cagaran.

"Walaupun was-was pada mulanya, saya akhirnya mengikut saja apa kata mereka apabila dipujuk kononnya saya masih untung kerana hanya perlu membayar RM40,000 untuk mendapat Toyota Camry berharga lebih RM100,000.

"Mendengar kata-kata manis itu, saya seperti terpukau dan menuruti apa saja kemahuan mereka. Selepas pulang ke rumah dan gagal mendapat kereta itu baru sedar menjadi mangsa penipuan," katanya.

Dalam kes berbeza pada hari sama, seorang ahli perniagaan bergelar Datin berusia lingkungan 50-an turut menjadi mangsa sindiket berkenaan hingga kerugian RM170,000.

Datin itu berkata, dia dihampiri seorang lelaki yang mendakwa wakil daripada sebuah syarikat gores dan menang di ruang letak kereta sebuah kompleks beli-belah di sekitar ibu kota.

"Lelaki itu memberitahu saya mampu memenangi hadiah berharga termasuk kereta mewah jika berse-

tuju menggores beberapa kupon yang dibawa bersamanya.

"Akibat termakan dengan tawaran hadiah berkenaan, saya menggores beberapa kupon dan salah satunya melayakkan saya menang kereta Toyota Camry," katanya yang turut membuat aduan kepada PPIM.

Bagaimanapun, dia berkata, lelaki berkenaan mengahkannya menyerahkan sejumlah wang sebagai syarat dan dia akur dengan permintaan itu kerana terpedaya dengan tawaran menarik yang dijanjikan.

"Pada awalnya saya menyerahkan RM7,000 dan mereka kata itu cagaran. Kemudian, saya dibawa ke pejabat mereka dan di situ mereka meminta lagi wang hingga akhirnya saya memberi keseluruhan RM170,000 yang berada di dalam akaun bank saya.

"Beberapa anggota sindiket itu turut mengikut saya ke bank ketika saya mengeluarkan wang. Saya pun tak tahu kenapa hanya mengikut permintaan mereka, mungkin juga saya sudah dipukau," katanya.

Headline	KUPON IBLIS		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	1,4	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	919 cm ²
Journalist	Yusmizal	AdValue	RM 35,637
Frequency	Daily	PR Value	RM 106,912

Info

Dilaporkan sepanjang 2014



- 14 April - Lima termasuk seorang wanita dihadapkan ke Mahkamah Majistret Seremban, atas tuduhan menipu tiga mangsa melalui kegiatan gores dan menang membabitkan kerugian RM46,700.
- 15 April - Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Pahang mengesan taktik terbaharu sindiket gores dan menang yang menawarkan hadiah pakej mengerjakan umrah selain kereta untuk memperdaya mangsa.
- 17 Jun - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Kelantan menahan sembilan individu kerana disyaki menipu orang ramai melalui peraduan gores dan menang di sebuah premis di Jalan Long Yunus.
- 14 Julai - Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PPDNKK) Pahang mengesan taktik baharu sindiket 'gores dan menang' yang menawarkan pakej mengerjakan umrah, pelancongan, kereta dan motosikal memperdayakan mangsa.
- 15 Disember - Jumlah kerugian akibat kes penipuan gores dan menang di Negeri Sembilan meningkat kepada RM3.3 juta sejak Januari hingga September 2014 berbanding RM2.5 juta untuk tempoh sama tahun sebelumnya.
- 18 Disember - Seorang pelajar tingkatan dua antara 35 yang ditahan kerana terbabit kegiatan gores dan menang di Pahang sejak Januari hingga 16 Disember tahun lalu.

Headline	KUPON IBLIS		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	1,4	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	919 cm ²
Journalist	Yusmizal	AdValue	RM 35,637
Frequency	Daily	PR Value	RM 106,912

Mangsa sains perjanjian berat sebelah

Kuala Lumpur: Mangsa gores dan menang akan diminta menandatangani perjanjian 'berat sebelah' sebagai jaminan kepada syarikat itu agar tidak dikenakan tindakan undang-undang selepas memperdaya mereka.

Ketua Aktivist Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) Datuk Nadzim Johan berkata, terma yang digunakan sama sekali tidak melindungi mangsa dan ia akan dijadikan sandaran untuk melepaskan mereka daripada dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa atas alasan mangsa bersetuju dengan syarat dikenakan.

Katanya, dalam tiga kes terbaru, semua mangsa menunjukkan bukti surat perjanjian sama dan ia ditulis di dalam bahasa Malaysia dan Inggeris menyatakan mereka bersetuju dengan segala terma dengan syarikat tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku apa-apa.

Beliau berkata, antara kandungan perjanjian itu ialah:

i. "Saya setuju membuat bayaran dalam keadaan faham segala syarat ditentukan dalam keadaan tanpa sebarang paksaan dan saya setuju terima apa yang saya dapat."

ii. "Saya setuju company poskan barang yang saya dapat ke alamat seperti di atas sekiranya saya sudah membayar balance atau masalah kenderaan dan saya akan terima barang dalam masa sepuluh hari bekerja."

iii. "Sebarang bayaran mesti dibuat di company dan mesti mendapat resit company jika membuat bayaran melalui bank in atau di luar tanpa resit company tidak akan bertanggungjawab."

Headline	KUPON IBLIS		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	1,4	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	919 cm ²
Journalist	Yusmizal	AdValue	RM 35,637
Frequency	Daily	PR Value	RM 106,912



NADZIM menunjukkan kupon dan barangan yang digunakan bagi mengelirukan pengguna.